

Pejabat Mufti Negeri Sarawak  
**NAIK TARAF** JABATAN MUFTI  
NEGERI SARAWAK



جَابَاتِن مُفْتِي نَغْرِي سَرَاوَاك

JABATAN MUFTI  
NEGERI SARAWAK



**KENALI**

Almarhum  
Datuk Haji Abdul Kadir Hassan  
Mantan, Mufti Negeri Sarawak

**Penjelasan**

PUASA QADA' dilakukan serentak dengan  
PUASA 6 SYAWAL

Hukum  
Lelaki Berinai



*Bengkel Balanced Scorecard* **18**

*Al-Falak 2014* **24**

*Sabar* **28**

*Cantiklah Aku* **34**



PORTAL RASMI

at-tibyan

"Fatwa Dijunjung Ummah Disanjung"

SIRI 4/2014  
NASKHAH PERCUMA

## sidang redaksi

### **PENASIHAT**

Sahibus Samahah Datu Haji Kipli Bin Haji Yassin

### **KETUA EDITOR**

Ustaz Muallim Bin Haji Suaid

### **EDITOR**

Ustaz Haji Mohd Ibrahim Bin Mohd. Usuf

### **SUB-EDITOR & PRUF**

Ustaz Haji Md Ahir bin Ahmad  
Ustaz Razalie bin Haji Hussaini  
Ustaz Haji Faizal bin Abdullah  
Ustazah Radiyah bt. Affandi  
Ustazah Razimah bt. Ahmad  
Cik Faiyza bt. Kassim

### **KONSEP & LAYOUT**

Ustaz Abdul Karim bin Drahman  
Ustaz Haji Mohd. Fauzi bin Hairani  
Puan Surina bt. Mustapha  
Puan Rose bt. Abd. Kadir  
Puan Siti Rosnani binti Abu Bakar  
Ustazah Dalima bt. Bujang

### **KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN**

Ustaz Haji Ahmad Zambri Shah bin Mohamad Jeman  
Ustaz Awang Ali bin Awang Mat  
Encik Awang Zaim Hamidi bin Haji Wahidi  
Encik Pandi bin Haji Suib

### **FOTOGRAFI**

Ustaz Abdul Karim Bin Drahman  
Ustaz Mohamad Ujian Bin Seman

### **CETAKAN / REKABENTUK**

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,  
Jalan Tun Abang Haji Openg,  
93554 Kuching Sarawak.  
Tel. : 082-241131 Faks : 082-412005

## kandungan

- 3 SEKAPUR SIREH
- 4 PEMBUKA BICARA
- 5 TAK KENAL MAKA TAK CINTA
- 6 FOKUS - Penaiktarafan Jabatan
- 7 BERSAMA TOKOH - Almarhum Datuk Haji Abdul Kadir Hassan
- 8 - 11 PENYINGKAP HUKUM
- 12 - 13 INFO AKTIVITI - Seminar Fatwa
- 14 INFO AKTIVITI - Az-Ziyarah
- 15 INFO AKTIVITI - At-Tibyan
- 16 INFO AKTIVITI - Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak 2014M
- 17 INFO AKTIVITI - Tafaqquh Fiddin
- 18 INFO AKTIVITI - Balanced Scorecard
- 19 INFO AKTIVITI - Bengkel Pengurusan Istinbat Hukum
- 20 - 21 KLIK ! SANA SINI
- 22 - 23 INFO AKTIVITI - Laporan Aktiviti Cerapan Hilal Bulanan
- 24 INFO AKTIVITI - Program Al-Falak Siri 2 Tahun 1435H
- 25 INFO AKTIVITI - Bulan Bahasa Arab 2
- 26 INFO AKTIVITI - Perhimpunan Dwi Bulanan
- 27 INFO AKTIVITI - Lawatan Strategik
- 28 ARTIKEL - Sabar
- 29 - 33 ARTIKEL - Ibu
- 34 ARTIKEL - Cantikkah Aku?
- 35 PENGHAYATAN BERSAMA - Surah An-Nas
- 36 JASAMU DIKENANG
- 37 INFO AKTIVITI - HARI INTEGRITI JMNS 2014
- 38 - 39 TAHNIAH

### **SAHIBUS SAMAAH DATU HAJI KIPLI BIN HAJI YASSIN** Mufti Negeri Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya kita masih diberi nikmat dalam kehidupan ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W penghulu segala rasul.

Harapan Jabatan Mufti Negeri Sarawak semoga segala usaha yang dicurahkan akan terus mendapat sokongan semua pihak dan menjadi harapan Jabatan ini juga agar seluruh umat Islam Negeri ini akan terdidik dengan prinsip ajaran agama yang sahih dan beramal dengan sunnah sebagai mana yang dianjurkan oleh baginda Rasulullah S.A.W dan para sahabat baginda.

Tahun 2014 telah melakar sejarah apabila Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah dinaiktaraf daripada sebuah pejabat ke Jabatan. Semoga dengan penaiktarafan ini akan memberi semangat dan komitmen yang tinggi kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Negeri Sarawak untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang secara berterusan kepada masyarakat Islam di Negeri Sarawak.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga kerja yang terlibat dalam penerbitan kali ini. Semoga penerbitan kali ini ada manfaatnya untuk kita semua di sisi Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.





Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T di atas limpahan nikmat dan kasih sayang yang tidak pernah putus untuk kita sebagai hamba-hambaNya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Dikesempatan ini saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa sidang redaksi Majalah At-Tibyan Siri 4/2014 di atas komitmen yang jitu.

Semoga usaha murni yang telah kita sama-sama curahkan untuk terbitan kali ini akan diganjar Allah S.W.T dengan ganjaran dan amal soleh yang kekal berterusan.

Sekian, terima kasih.

**USTAZ MUAL BIN HAJI SUAUD**  
(Ketua Penolong Mufti)  
Ketua Editor

Disediakan oleh : Bahagian Pusat Sumber

## Bahagian Pusat Sumber Jabatan Mufti Negeri Sarawak

Pada keluaran kali ini, Majalah At-Tibyan memperkenalkan salah satu bahagian di dalam organisasi Jabatan Mufti Negeri Sarawak iaitu Bahagian Rujukan Fatwa. Walau bagaimanapun, sepertimana dalam penstrukturan pembangunan organisasi jabatan, Bahagian Rujukan Fatwa telah

ditukar nama kepada Bahagian Pusat Sumber. Selaras dengan fungsi jabatan untuk menjadi '*one stop centre*', bahagian ini memainkan peranan yang penting sebagai pusat rujukan sumber dan maklumat.

Bahagian ini mempunyai empat orang kakitangan yang diketuai oleh Ustaz Haji Mohd. Ibrahim bin Haji Mohd. Usof, Pegawai Hal Ehwal Islam, S41.

Fungsi bahagian ini adalah sebagaimana ditunjukkan carta dibawah:

### BAHAGIAN PUSAT SUMBER

- i. Menyediakan saluran penyebaran Keputusan Fatwa Kebangsaan dan Negeri Sarawak dan maklumat-maklumat berkaitan secara holistik dan berterusan melalui media cetak dan elektronik.
- ii. Merancang dan menguruskan aktiviti untuk menyebarkan fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa/Syariah Negeri sebagai panduan umat Islam.
- iii. Mentadbir urus Pusat Sumber Jabatan Mufti Negeri Sarawak:
  - Memberikan maklumat mengenai keputusan Mesyuarat Muzakarah Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Islam dan keputusan Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak.
  - Pembelian buku/kitab/bahan bacaan.
- iv. Mengendalikan aduan awam dan khidmat pelanggan melalui telefon dan laman sesawang.
- v. Mengurus setiap program/aktiviti jabatan bagi hal-hal yang berkaitan fatwa seperti seminar, bengkel dan kursus.
- vi. Membuat pendokumentasian aktiviti jabatan bagi hal-hal yang berkaitan dengan fatwa.
- vii. Mengurus setia Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak dan mesyuarat-mesyuarat khas berkaitan fatwa.



Disediakan oleh : Bahagian Khidmat Pengurusan

# Naik Taraf Pejabat Mufti Negeri Sarawak Ke Jabatan Mufti Negeri Sarawak

Pada 22 September 2014, Isnin bersamaan 27 Zulkaedah 1436H terlahkar sejarah di mana Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak telah merasmikan penaiktarafan Pejabat Mufti Negeri Sarawak sebagai sebuah Jabatan Negeri Sarawak semasa Majlis Perasmian Seminar Fatwa Peringkat Negeri Sarawak di Kompleks Islam Sibiu.

Dengan penaiktarafan ini, Jabatan Mufti Negeri Sarawak akan menjadi sebuah institusi yang berwibawa untuk memutuskan dan menjelaskan hukum hal ehwal Islam serta sebagai tempat rujukan terakhir dalam menentukan sesuatu yang berkaitan dengan hal ehwal Hukum Syarak di peringkat negeri.



Disediakan oleh: Ustaz Haji Ahmad Zambri Shah bin Mohd. Jeman



## DATUK HAJI ABDUL KADIR HASSAN

beliau giat berdakwah dengan menyampaikan ceramah di masjid-masjid dan merupakan pensyarah yang diminati oleh umat Islam Singapura dan beliau pernah dijemput menjadi khatib di Masjid Sultan, Singapura.

Dengan semangat yang kuat untuk menambah ilmu dan pelajaran agamanya, beliau seterusnya melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam, Malaya, Kelang atas biasiswa Kerajaan Sarawak pada tahun 1956 sehingga 1959. Setelah tamat pengajian di Kolej Islam pada tahun 1959, hasrat beliau untuk melanjutkan lagi pengajian ke Universiti Al-Azhar terhalang kerana dasar kerajaan penjajah British pada masa itu yang tidak mahu pelajar-pelajar dihantar ke Mesir kerana waktu itu Mesir diperintah oleh Presiden Gamal Abdul Nasir.

Namun segalanya tidak menjejaskan semangat dan kegigihan beliau untuk terus mempertingkatkan ilmu agamanya. Dengan asas pendidikan agama yang kuat dan penguasaannya terhadap ilmu-ilmu alat, beliau sentiasa mentelaah kitab-kitab karya para ulama kita di samping sentiasa mengadakan muzakarah dengan sahabat-sahabat seperjuangan beliau dan ulama-ulama tempatan. Beliau juga amat teliti apabila memberikan jawapan terhadap sesuatu masalah berkaitan agama, dan sentiasa merujuk kepada kitab-kitab yang muktabar seperti Sabilal Muhtadin, l'anatuth Tholibin dan Bughyatul Mustasyidin. Kecintaannya kepada ilmu dan ulama sehingga beliau sanggup menyalin sendiri kitab-kitab yang tiada beredar dalam pasaran pada waktu tersebut.

Menyedari bahawa beliau perlu memberi sumbangan kepada masyarakat Sarawak yang lebih memerlukan khidmatnya, beliau pulang ke Sarawak. Di Sarawak, beliau meneruskan tugasnya sebagai guru agama dan terus giat berdakwah.

Pada 1 Mei 1967, Datuk Abdul Kadir telah dilantik sebagai Mufti Negeri Sarawak. Beliau merupakan Mufti kedua Negeri Sarawak selepas merdeka yang merupakan jawatan terakhir beliau. Sebagai Mufti Negeri Sarawak yang juga pengerusi Majlis Fatwa, beliau bersikap toleransi dalam menentukan fatwa yang ditentukan dengan mengambil pendapat golongan agama dan tokoh-tokoh dalam bidang undang-undang, ekonomi, kewangan, pengurusan dan pentadbiran. Sepanjang berkhidmat sebagai Mufti beliau juga telah menunjukkan sikap cermat dalam mengeluarkan pendapat bahkan pandangan beliau sangat dihormati di kalangan para

mufti. Ini adalah bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang menimbulkan masalah.

Pelantikan beliau sebagai Mufti juga tidak menghalang beliau untuk meneruskan kerja-kerja dakwah. Majlis-majlis taklim beliau telah diteruskan, bahkan kelas pengajian kitab Sabilal Muhtadin di beberapa surau tetap diteruskan.

Selain terkenal sebagai seorang ulama dan daie, Datuk Abdul Kadir juga boleh digolongkan sebagai seorang abid. Kebiasaannya beliau akan menunaikan sembahyang sunat dhuha sebelum beliau ke pejabat. Antara wirid beliau ialah membaca 3 juz al-Quran setiap hari dan setiap 10 hari beliau akan khatam seluruh al-Quran. Tahajjud dan qiyamullail sentiasa jadi amalan beliau. Tutar katanya sungguh lembut sehingga menarik hati sesiapa yang berinteraksi dengan beliau hatta seorang budak kecil sekalipun.

Antara sumbangan beliau dalam bidang dakwah ialah bertanggungjawab dalam usaha mewujudkan Tabung Zakat dan Fitrah Sarawak. Sebelum itu, umat Islam membayar fitrah kepada sesiapa sahaja yang mereka sukai terutamanya guru-guru tempat mengaji al-Quran, para lebai dan bidan-bidan kampung. Beliau telah menjelajah ke seluruh negeri Sarawak memberi penerangan tentang pembayaran fitrah dengan sistem amil. Akhirnya beliau telah dapat meyakinkan umat Islam tentang keutamaan sistem tersebut.

Selain itu Datuk Abdul Kadir pernah bergiat cergas dalam politik Negeri Sarawak apabila menjadi calon pilihanraya bagi kawasan Sibul Laut dan Kabong mewakili Parti Berjasa. Walau bagaimanapun beliau tewas dalam pilihanraya tersebut.

Bagi mengiktiraf segala sumbangan dan jasa yang telah beliau curahkan, kerajaan Negeri Sarawak telah mengurniakan Bintang Kesatria Mangku Negara (KMN), pegawai Bintang Sarawak (PBS) yang membawa gelaran Datuk. Lebih bermakna nama beliau diabadikan pada sebuah Sekolah Rendah Agama Majlis Islam Sarawak sebagai Madrasah Datuk Haji Abdul Kadir Hassan, yang merupakan salah sebuah sekolah yang menitik beratkan pendidikan agama dan bahasa Arab.

Datuk Abdul Kadir telah kembali ke rahmatullah pada hari Jumaat, 15 Januari 1988 pada jam 4.45 petang. Jenazah beliau telah disemahyang oleh ribuan jemaah di Masjid Negeri Sarawak dan disemadikan di Tanah Perkuburan Semariang.

Datuk Haji Abdul Kadir bin Hassan telah dilahirkan di Kampung Patingan @ Kampung No.6, Kuching, Sarawak pada 6 Ogos 1928 / 28 Safar 1347. Beliau merupakan anak keempat daripada lapan orang adik beradik. Ayah beliau iaitu Hassan bin Hussin berasal dari Kuching berketurunan Melayu dan merupakan seorang peniaga runcit dan pekebun. Ibunya pula bernama Maznah bt. Haji Amin berasal dari Siniawan, Bau.

Almarhum yang dikenali sebagai Cik Kadek, di kalangan anak buahnya merupakan seorang yang mesra tetapi sangat dihormati. Semenjak remaja beliau telah menunjukkan ciri-ciri seorang yang alim dan sentiasa berpegang kepada ajaran agama.

Pendidikan formal beliau bermula di SRK Merpati Jepang sehingga Standard 4, kemudian beliau belajar agama secara rasmi di Jalan Gambier, Kuching pada tahun 1942 hingga 1947. Al-Madrasah al-Islamiah merupakan sebuah sekolah Arab yang diasaskan oleh Datu Imam Tuan Guru Haji Abang Murshidi. Di samping belajar di sekolah, beliau juga mendalami lagi ilmu-ilmu agama dengan para ulama tempatan, antaranya, Guru Sulong bin Hussin dan Tuan Guru Haji Yusuf bin Abdul Ghani. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran agamanya di Madrasah al-Juneid, Singapura pada tahun 1952. Antara guru-guru beliau yang lain adalah Ustaz Sharkawi bin Syaikh Othman, Syaikh Syazali bin Syaikh Othman, Syaikh Zainuddin bin Syaikh Othman (mereka ini adalah anak-anak Syaikh Othman Sarawak) dan ramai lagi ulama yang mengajar di Madrasah al-Islamiah dan Madrasah al-Juneid. Semasa di Singapura

# Penyingkap Hukum

Disediakan Oleh : Ustazah Razimah bt. Ahmad



## SOALAN 1 :

**Apakah hukum seorang muslim menjawab salam daripada orang bukan muslim? Sekiranya kita tidak menjawab adakah ia dianggap berdosa? Bagaimanakah untuk menjawab salam daripada orang bukan muslim?**

## JAWAPAN:

Berkenaan salam seorang yang bukan Islam, para ulama' menjelaskan bahawa mendahului ucapan salam kepada orang bukan Islam adalah haram hukumnya. Ini berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Janganlah kamu memulai salam kepada orang Yahudi dan Nasrani. Apabila kamu bertemu mereka di suatu jalan, maka paksalah mereka kepada jalannya yang paling sempit”. (Hadith Riwayat Muslim)

Walau bagaimanapun, sekiranya mereka mengucapkan salam kepada kita dengan maksud menghormati dan memuliakan kita, bukan untuk mengejek dan mengolok-olok, maka hukumnya adalah wajib untuk menjawab salam tersebut. Perkara yang wajib jika tidak dilakukan adalah bedosa.

**“Janganlah kamu memulai salam kepada orang Yahudi dan Nasrani. Apabila kamu bertemu mereka di suatu jalan, maka paksalah mereka kepada jalannya yang paling sempit”. (Hadith Riwayat Muslim)**

Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu”. (An-Nisa': 86)

Apabila bukan muslim mengucapkan salam: Assalamualaikum, maka kita harus membalasnya dengan ucapan: Waalaikum. Assalamualaikum bererti pada diri mereka ada keselamatan, maka kita juga membalas dengan ucapan yang sama.

Sebahagian ulama' juga berpendapat apabila orang-orang Yahudi dan Nasrani mengucapkan secara jelas: As-salaamu 'alaikum, maka kita juga boleh membalas dengan ucapan: Alaikum salam.

## SOALAN 2:

**Saya ingin bertanya tentang ibadah korban dan akikah. Bolehkah seekor lembu yang dikorbankan tersebut diniatkan juga untuk akikah? Contohnya seekor lembu mempunyai 7 bahagian, 4 bahagian untuk korban dan 3 bahagian untuk akikah.**

## JAWAPAN:

Korban bermaksud menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha dan Hari tasyrik, iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah untuk beribadat dan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud: “Maka sembahlah Tuhanmu dan berkorbanlah.”

(Surah al-Kauthar: 2)



Hukum korban ialah sunat muakkad, iaitu sangat dituntut ke atas umat Islam yang berkemampuan tetapi hukumnya wajib apabila bernazar.

Akikah pula ialah menyembelih binatang tertentu (an'aam) sempena kelahiran bayi sebagai tanda kesyukuran kepada Allah S.W.T. Afdhalnya dikerjakan pada hari ke 7 selepas kelahiran bayi berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Seorang anak terikat dengan akikahnya yang disembelih pada hari ke 7, dan dicukur serta diberi nama.” (Hadith Riwayat Ahmad dan Tirmizi) Hukum melaksanakan ibadah akikah adalah sunat muakkad (sunat yang sangat dituntut) bagi yang berkemampuan.

Seekor lembu mewakili 7 bahagian sama ada untuk dibuat akikah atau korban. Oleh itu boleh mengambil

**Hukum korban ialah sunat muakkad, iaitu sangat dituntut ke atas umat Islam yang berkemampuan tetapi hukumnya wajib apabila bernazar.**

4 bahagian untuk korban dan 3 bahagian untuk akikah.

Namun, penyembelihan hendaklah menyatakan secara jelas korban tersebut untuk siapa dan akikah tersebut untuk siapa.

### SOALAN 3:

**Bolehkah seorang pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis menunaikan ibadah Haji?**



***Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya tidak wajib menunaikan ibadah haji;***

### JAWAPAN:

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-17 pada 1 Syaaban 1431H bersamaan 13 Julai 2010M sebulat suara menerima sighth keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-84 berkenaan Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan Hemodialisis seperti berikut:

i. Pesakit yang menghidap penyakit kronik yang tidak ada harapan sembuh seperti pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan hemodialisis dan seumpamanya

tidak wajib menunaikan ibadah haji;

- ii. Pesakit kronik adalah wajib melaksanakan badal haji sekiranya berkemampuan daripada sudut kewangan; dan
- iii. Sekiranya telah sembuh daripada sakit kronik, individu tersebut wajib menunaikan ibadah haji jika berkemampuan.

### SOALAN 4:

**Bagaimanakah hukum makanan yang disedekahkan/ diberikan oleh seseorang yang kita tahu dia bermain nombor ekor. Adakah ianya termasuk dalam makanan yang syubhah? Adakah baik jika kita menerima pemberian tersebut untuk menjaga hatinya tetapi kita tidak memakan makanan tersebut?**

4D		5D		6D	
1st Prize: 5671	2nd Prize: 5654	1st Prize: 01144	2nd Prize: 27592	1st Prize: 506308	2nd Prize: 50630
3rd Prize: 5473	4th Prize: 4805, 1288, 1288, 9392, 8882, 3783	5th Prize: 01144	6th Prize: 144	3rd Prize: 50630	4th Prize: 50630
5th Prize: 4805, 1288, 1288, 9392, 8882, 3783	6th Prize: 4840, 5659, 5528, 6125, 0510, 8909, 1881, 8725, 6484, 1488	7th Prize: 46, 5, 45, 52, 1, 14	8th Prize: 15, 46, 3, 19, 31, 39	5th Prize: 50630	6th Prize: 50630
Jackpot: RM 2,106,413.34	Jackpot: RM 318,016.51	Jackpot: RM 8,242,074.11	Jackpot: RM 94,399,952.36	Jackpot: RM 27,083,648.32	Jackpot: RM 8,242,074.11

### JAWAPAN:

Menerima sedekah yang diberikan oleh orang yang diketahui sumbernya daripada hasil bermain nombor ekor atau apa-apa bentuk perjudian adalah haram. Sekiranya orang tersebut masih mahu memberi makanan yang sumbernya daripada perjudian, tuan dinasihatkan agar tidak menerimanya dan berusaha memberi teguran secara ber hikmah dan baik kepada orang tersebut. Semoga segala usaha baik daripada tuan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

### SOALAN 5:

**Salah atau tidak sekiranya pasangan suami isteri itu tidur dalam keadaan bogel?**



### JAWAPAN:

Pasangan suami isteri **DIHARUSKAN** berbuat demikian dengan syarat tidak ada orang yang boleh melihatnya.

Walau bagaimanapun, Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud: Daripada Bahz bin Hakim daripada bapanya dan datuknya, maksudnya: "Dia berkata: "Saya bertanya: "Wahai Rasulullah! (Kepada siapakah) dari aurat kami boleh kami perlihatkan dan (kepada siapa) kami hindarkan?" Rasulullah S.A.W. bersabda: "Peliharalah aurat kamu melainkan dari isteri kamu atau hamba sahaya perempuan kamu". Dia berkata: Saya bertanya: "Wahai Rasulullah! Bagaimana pula jika ada orang-orang berhimpun sebahagiannya dengan sebahagian yang lain?" Rasulullah S.A.W. bersabda: "Jika kamu berupaya (membuat) seseorang tidak akan melihat aurat kamu, maka janganlah orang itu melihatnya". Dia berkata: Saya bertanya: "Bagaimana pula jika seseorang itu bersendirian?" Rasulullah S.A.W. bersabda: "Allah itu lebih berhak untuk dirasa malu daripada manusia". (Hadith Riwayat Abu Daud)

# Penyingkap Hukum

## SOALAN 6:

Bolehkah puasa qada' dilakukan serentak dengan puasa sunat 6 syawal (niat qada' puasa diniatkan sekali puasa sunat)

## JAWAPAN:

Umat Islam menunaikan puasa sunat 6 Syawal selepas menamatkan puasa sebulan Ramadhan kerana meyakini ganjaran dan pahala yang akan dikurniakan oleh Allah S.W.T.

Rasulullah S.A.W. menerangkan tentang kelebihan puasa sunat 6 Syawal di dalam hadith yang bermaksud:

“Sesiapa yang berpuasa Ramadhan, kemudian diikutinya puasa enam hari Syawal samalah seperti dia berpuasa sepanjang tahun”.

(Hadith Riwayat Muslim)

Hikmah disyariatkan puasa sunat 6 Syawal ialah sebagai satu latihan kepada umat Islam bahawa amal ibadat tersebut bukan terletak pada bulan-bulan tertentu seperti bulan Ramadhan bahkan amalan tersebut perlu konsisten dalam kehidupan seharian.

Manakala puasa Ramadhan yang ditinggalkan adalah wajib diqadha' sebanyak hari yang ditinggalkan itu sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. dalam firmanNya yang bermaksud:

“Maka wajiblah dia berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkan itu

**“Sesiapa yang berpuasa Ramadhan, kemudian diikutinya puasa enam hari Syawal samalah seperti dia berpuasa sepanjang tahun”.**  
(Hadith Riwayat Muslim)



**“Maka wajiblah dia berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain.”**  
(Surah Al-Baqarah : 184)

pada hari-hari yang lain.”  
(Surah Al-Baqarah : 184)

Oleh itu, dalam masalah tuan di atas seseorang yang mengqadha'kan puasa dan menggabungkannya dengan puasa sunat 6 Syawal diharuskan dan memadai baginya berniat puasa qadha' sahaja. Namun, adalah lebih afdhal sekiranya puasa sunat 6 Syawal dibuat berasingan dengan puasa qadha'.

## SOALAN 7:

Tentang qada' solat, adakah perlu kita qada' solat zohor yg tertinggal pd waktu zohor sahaja atau boleh qada' pd waktu lain seperti pada waktu asar atau magrib/isyak?

## JAWAPAN:

Meninggalkan solat fardhu atau

melengah-lengahkannya tanpa apa-apa keuzuran hingga terkeluar dari waktunya adalah berdosa besar dan wajib diqada'kan solat yang tertinggal tersebut. Tidak semestinya qada' Zuhur pada waktu Zuhur yang berikutnya. Sewajarnya kita mengqada'kan solat yang tertinggal sesegera yang boleh.

**Pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki adalah tidak diharuskan kecuali pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan dan juga untuk tujuan perubatan.**



**SOALAN 8:**  
**Apakah hukum penggunaan inai bagi lelaki?**

**JAWAPAN:**

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak kali ke 18 pada 22 Disember 2010 telah membincangkan Hukum Pemakaian Inai Bercorak Mengikut Syarak telah memutuskan seperti berikut:

1. Pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki adalah diharuskan bagi wanita sama ada yang telah berkahwin atau belum selagi mana tidak menimbulkan fitnah.
2. Walau bagaimanapun, kadar pemakaian inai di kedua-dua tangan dan kaki adalah terhad sehingga pergelangan tangan dan buku lali sahaja, manakala warna yang digunakan tidak bersifat kekal seperti tatu dan mengandungi sebarang unsur yang meragukan. Mengenai corak atau ukiran yang digunakan pula, corak atau ukiran daun dan tumbuh-tumbuhan adalah dibenarkan, manakala corak-corak haiwan, lambang dewa-dewa atau ajaran atau apa jua gambaran yang bertentangan dengan syarak adalah dilarang.

3. Pemakaian inai pada kedua tangan dan kaki bagi lelaki adalah tidak diharuskan kecuali pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan dan juga untuk tujuan perubatan.

Oleh itu penggunaan inai bagi lelaki adalah terhad pada pada sebilangan jari bagi pengantin semasa majlis perkahwinan dan juga untuk tujuan perubatan.

**SOALAN 9:**  
**Adakah kawasan yang terkena kencing kanak-kanak yang berumur 2 dan 4 tahun dikatakan bersih sekiranya hanya menggunakan pembersih seperti semburan antibakteria febreze dan adakah kawasan tersebut boleh digunakan tempat solat sekiranya kawasan (tilam@lapik) yang telah dibersihkan menggunakan semburan febreze itu telah kering?**

**JAWAPAN:**

Air kencing kanak-kanak berumur 2 dan 4 tahun adalah termasuk kategori najis mutawassitah. Cara bersuci daripada najis ini ialah

dengan mengalirkan air ke atasnya dan menghilangkan kesan-kesannya hingga ain najis tersebut dan juga sifat-sifatnya, sama ada terkena pada pakaian, badan atau tempat. Namun dalam penggunaan *Febreeze* untuk menyucikan najis tersebut adalah tidak memadai kerana ia tidak tergolong dalam air mutlak. Justeru, najis tersebut hendaklah disucikan dengan air mutlak terlebih dahulu. Selepas itu, bolehlah menggunakan apa-apa wangian untuk mewangikan tempat tersebut.



**Air kencing kanak-kanak berumur 2 dan 4 tahun adalah termasuk kategori najis mutawassitah.**

Disediakan oleh : Ustazah Radiyah binti Haji Affandi

# Seminar Fatwa Institut Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Negeri Sarawak 1435H/2014M

Dalam usaha Jabatan Mufti Negeri Sarawak menyebarluaskan keputusan-keputusan fatwa kepada masyarakat, pada tahun ini Jabatan ini meluaskan sasaran kepada mahasiswa mahasiswi Institut Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta seluruh negeri Sarawak dimana mereka merupakan aset masa depan ummah.

Jabatan Mufti Negeri Sarawak dengan kerjasama Pusat Islam Tun Salahuddin (PITAS) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), dan Bahagian Pengurusan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Putrajaya telah mengadakan Seminar Fatwa Institut Pengajian Tinggi (IPT) peringkat Negeri Sarawak 1435H/2014M.

Bertemakan 'Cakna Fatwa Mahasiswa Terbela', seminar ini telah diadakan pada 29 - 30 Jamadilakhir 1435H/29 - 30 April 2014M dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Ir. Haji Daud bin Abdul Rahman, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) dan Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur Sarawak. Menjadi harapan kita agar mahasiswa dan mahasiswi harapan bangsa dan agama ini agar cakna atau ambil peduli terhadap keputusan-keputusan fatwa sebagai pedoman dan benteng kehidupan di zaman yang penuh cabaran dan dugaan ini. Seminar pada kali ini telah membentangkan sebanyak lima (5) kertas kerja telah



dibentangkan pada seminar tersebut iaitu:

- (1) Merokok Pada Pandangan Islam
- (2) Bahaya Syiah
- (3) Gerakan Anti Hadith
- (4) Pemasalahan Sosial Masakini
- (5) Anak Tak Sah Taraf.

Seminar yang telah dihadiri seramai 200 orang mahasiswa dan mahasiswi ini merupakan seminar fatwa yang julung kali dilaksanakan di peringkat Institut Pengajian Tinggi. Alhamdulillah di atas kerjasama semua seminar ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Disediakan oleh : Ustazah Radiyah binti Haji Affandi

## Seminar Fatwa Peringkat Negeri Sarawak 1435H/2014M Di Dewan Kompleks Islam Sarawak Sibul

Pada 27-28 Zulkaedah 1435H bersamaan 22-23 September 2014M sekali lagi Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah berjaya mengadakan Seminar Fatwa peringkat Negeri Sarawak yang bertempat di Kompleks Islam Sarawak, Sibul dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.

Seminar ini merupakan satu usaha untuk memberi kefahaman dan menyebarkan fatwa-fatwa yang telah diputuskan kepada masyarakat. Ia juga merupakan satu usaha untuk menyediakan input berguna kepada masyarakat agar mereka cakna fatwa serta dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Semoga ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi memandu kehidupan kita ke arah kesejahteraan ummah.

Seminar pada kali ini bertemakan 'Cakna Fatwa Ummah Sejahtera'. Majlis perasmiannya telah dilakukan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud

Pada kali ini 5 kertas kerja termasuk Kertas Kerja Utama "Cakna Fatwa Ummah Sejahtera" yang dibentangkan sendiri oleh YBhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak

- (1) Penyusunan Anak Angkat
- (2) Parameter Pelaburan Emas
- (3) Pelaburan Dalam ASN, ASB dan seumpamanya



(4) Hukum Shisha Pada Pandangan Syarak

(5) Permasalahan Sosial Masakini

Seramai 500 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, ketua masyarakat serta orang awam sekitar Bandar Sibul telah hadir pada seminar ini dan sekaligus melancarkan Buku Siri Mudah-mudahan Islam sebanyak 3 Siri iaitu Syahadain, Solat

Talian Hayat Anda dan Tiada Tuhan Melainkan Allah.

Seminar kali ini telah melakar detik sejarah apabila dengan rasminya Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah dinaiktaraf sebagai sebuah Jabatan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

## Info Aktiviti

Disediakan Oleh : Bahagian Fatwa

# Program Az-Ziyarah (Mufti Bersama Masyarakat) Tahun 2014

Bil	Bulan	Tempat	Tarikh
1	Januari	Masjid Darul Ehsan, Kampung Tanjung Apong, Samarahan	Selasa, 28 Januari 2014 / 26 Rabiulawal 1435H
2	Februari	Masjid Darul Hidayah, Kampung Jemoreng, Matu.	Sabtu, 08 Februari 2014 / 08 Rabiulakhir 1435H
3	April	Masjid Darul Ihsan, Kampung Lemang Pek, Daro	Rabu, 2 April 2014 / 2 Jamadilakhir 1435H
4	Mei	Masjid Misbahul Huda, Kampung Awat-Awat, Lawas	Khamis, 08 Mei 2014 / 8 Rejab 1435H



Disediakan Oleh : Bahagian Fatwa

## Program At-Tibyan Tahun 2014

Bil	Bulan	Tempat	Tarikh
1	Januari	Surau Darul Muhsinin, Kampung Sungai Putin, Sadong Jaya, Samarahan	15 Rabiulawal 1435H/17 Januari 2014M
2	Februari	Surau Darul Saadah, Taman Desa Wira, Batu Kawa, Kuching	25 Rabiulakhir 1435H/25 Februari 2014M
3		Surau Darul Takwa, Kampung Selang Laut, Kuching	27 Rabiulakhir 1435H/27 Februari 2014M
4		Surau Darul Malihah, Kampung Bukit Berangan, Samarahan	28 Rabiulakhir 1435H/28 Februari 2014M
5	April	Masjid Darul Taqwa, Bintangor	03 Jamadilakhir 1435H/03 April 2014H
6	Mei	Surau Darul Qarar, Kampung Temedak, Kuching.	22 Rejab 1435H/22 Mei 2014M
7		Surau Darul Taqwa, Kampung Asajaya Tengah, Samarahan	23 Rejab 1435H/23 Mei 2014M
8		Masjid An-Nur, Kampung Stunggang Melayu Lama, Lundu	1 Syaaban 1435H/30 Mei 2014M
9	Disember	Masjid Daerah Limbang	27 Safar 1436H/20 Disember 2014M (Sabtu)
10		Surau Darul Ibadah, Seberang Kedai Limbang	28 Safar 1436H/21 Disember 2014M (Ahad)



Disediakan oleh : Ustazah Razimah binti Ahmad

# Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak 2014M

## TAJUK-TAJUK KERTAS KERJA YANG TELAH DIBINCANGKAN

MLFNS	TAJUK	TARIKH
KALI KE-24	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Hukum Skim Cepat Kaya Dan Seumpamanya</li> <li>2) Hukum Eutanasia Atau Mercy Killing</li> <li>3) Parameter Pelaburan Emas</li> <li>4) Garis Panduan Pengurusan Zakat Asnaf Riqab Dan Gharimin Negeri Sarawak</li> </ol>	12 Mac 2014M/ 10 Jamadilawal 1435H (Rabu)
KALI KE-25	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Menurut Perspektif Islam</li> <li>2) Hukum Melakukan Samak Najis Mughallazah Menggunakan Sabun Tanah Liat</li> <li>3) Hukum Bahan Pewarna (Cochineal) Dalam Islam</li> <li>4) Kedudukan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</li> </ol>	12 Jun 2014M/ 13 Syaaban 1435H (Khamis)
KALI KE-26	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Hukum Qurban Dan Aqiqah Ke Atas Haiwan Import Yang Tidak Diketahui Umur Dan Status Buntingnya.</li> <li>2) Hukum Menggugurkan Janin Pembawa Atau Pengidap Penyakit Thalassaemia.</li> <li>3) Hukum Menggunakan DNA Untuk Menentukan Status Nasab Anak Dan Tempoh Melaksanakan Li'an Untuk Menafikan Nasab Anak.</li> <li>4) Hukum Menggunakan Mask (Penutup Mulut Dan Hidung) Bagi Jemaah Haji Dalam Ihram Dan Umrah</li> </ol>	9 Safar 1436H/ 2 Disember 2014M (Selasa)



Disediakan Oleh: Y.Bhg. Ustaz Haji Md. Ahir bin Ahmad

# Aktiviti Tafaqquh Fiddin 2014

Aktiviti Tafaqquh Fiddin di Jabatan Mufti Negeri Sarawak terbahagi kepada dua :

1. Kakitangan Jabatan Mufti Negeri Sarawak
2. Imam, Bilal dan Guru Takmir

## Objektif Tafaqquh Fiddin di pejabat :

1. Menambahkan kefahaman dalam ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah.
2. Meningkatkan budaya diskusi ilmu dan budaya membaca.

## Bahan Diskusi:

Buku Al-Fiqh Al-Manhaji oleh Dr. Zulkifli Muhamad Al-Bakri terbitan Darul Syakir Enterprise.

## Jadual Pelaksanaan

Seminggu sekali pada setiap hari Rabu, jam 8.30 – 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat Jabatan Mufti Negeri Sarawak.

## Objektif Tafaqquh Fiddin Imam, Bilal dan Guru Takmir

1. Menghubungkan silaturrahim dan kerjasama institusi masjid dan Jabatan Mufti Negeri Sarawak.

2. Menjadikan Imam, Bilal dan Guru Takmir sebagai penyampai maklumat keputusan-keputusan fatwa kepada masyarakat.

## Bahan Diskusi

1. Amanat Datu Mufti Negeri Sarawak
2. Keputusan-keputusan fatwa yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa

Kebangsaan dan Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak.

## Jadual Pelaksanaan

1. 11 Februari 2014 – jemputan 25 orang
2. 06 Mei 2014 – jemputan 25 orang

## Tempat dan Masa :

Di Jabatan Mufti Negeri Sarawak  
Masa: 09.00 hingga 11.00 pagi



## Info Aktiviti

Disediakan Oleh: Puan Surina bt. Mustapha & Encik Awang Zaim Hamidi bin Haji Wahidi

# Bengkel *Balanced Scorecard*

Apa itu *Balanced Scorecard*??  
*Balanced Scorecard* (BSC) didefinisikan sebagai sistem pengurusan strategi dan pengukuran yang menghubungkan sasaran strategik kepada indikator yang komprehensif. Terdapat 4 perspektif dalam BSC iaitu :

1. Pelanggan (*Customer*)
2. Kewangan (*Financial*)
3. Proses Dalam ( *Internal Process* )
4. Pembelajaran dan Pertumbuhan (*Learn And Growth*)

Pengenalan BSC kepada Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah diadakan pada 20 – 21 Februari 2014 bertempat di Damai Beach Resort, Kuching di bawah bimbingan Encik Gnanasegaran a/l Arumugam yang merupakan Konsultan BSC. Seramai 16 orang pegawai Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah menyertai bengkel tersebut. Susulan bengkel juga telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Mufti Negeri Sarawak dan mesyuarat bulanan bagi melapor dan mengemaskini data BSC.



**“Perbanyakkan menyebut Allah daripada menyebut makhluk”**

**“Perbanyakkan menyebut akhirat daripada menyebut urusan dunia ....  
- Imam Syafie -**

Disediakan Oleh: Ustaz Haji Faizal bin Abdullah

# Bengkel Pengurusan Istinbat Hukum

Pada 04 - 05 Mac 2014M bersamaan 02 - 03 Jamadilawal 1435H (Selasa & Rabu), telah berlangsungnya Bengkel Pengurusan Istinbat Hukum yang bertempat di Merdeka Palace Hotel & Suites, Kuching. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh pegawai daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan, Pejabat Mufti Negeri Sabah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak serta pegawai di Jabatan Mufti Negeri Sarawak. Penceramah yang diundang bagi bengkel tersebut ialah YBhg. Dr. Ahmad Wifaq bin Mokhtar dari Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta YBhg. Ustaz Ahmad Fauwaz bin Fadzil dari Konsulten Syariah, Telaga Biru, Kuala Lumpur.

Bengkel tersebut telah membincangkan mengenai 'Kaedah Istinbat Hukum Imam As-Syafie' yang dibentangkan oleh YBhg. Dr. Ahmad Wifaq bin Mokhtar. Manakala bagi **'Istinbat Hukum: Aplikasi Lafaz Am Dan Khas Dalam Al-Quran'** dan **'Al-Hadith Serta Aplikasi Ijma' Dan Qias Dalam Istinbat Hukum'** telah dibentangkan oleh YBhg. Ustaz Ahmad Fauwaz bin Fadzil.

Bengkel tersebut juga memfokus dan menekankan Istinbat Hukum melalui kaedah-kaedah Usul Fiqh. Para peserta juga diberi pendedahan dan latihan secara berkumpulan bagi



memberi pemahaman dalam ilmu Usul Fiqh

Majlis Penanguhan telah disempurnakan oleh Sahibus

Samahah YBhg. Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak pada 05 Mac 2014 bersamaan 03 Jamadilawal 1435H.

# KLIK! sana-sini



Sambutan Hari Raya Aidilfitri Agensi Islam.



Program Az-Ziyarah Daro.



Lawatan Imam & KK Miri.



Bengkel Penstrukturan Organisasi.



Bengkel Pengurusan Istintab Hukum



Falak Fittariq (Program).



Sambutan hari kelahiran Datu Mufti.



Lawatan ke Tapak Cdgn Balai Cerap



Lawatan PBB ranting Kudat



Sesi penerangan Al-Baghdadi.



Sesi penerangan Al-Baghdadi.



Bengkel Pelan Strategik 2015 - 2019 Jabatan Mufti Negeri Sarawak.

Program Az-Ziyarah Daro.



Bengkel Penstrukturan Organisasi.

Lawatan 5S Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.



Malam Penghargaan Kakitangan JMNS.

Bengkel Pelan Strategik 2015 - 2019 Jabatan Mufti Negeri Sarawak.



Sambutan Hari Raya di Jabatan Mufti Negeri Sarawak.

Sambutan Hari Raya di Jabatan Mufti Negeri Sarawak.

## Laporan Aktiviti Cerapan Hilal Bulanan

Hari dan bulan dalam setahun bagi tahun 1435 Hijrah																														
Zulhijjah 1434	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Muharam 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Safar 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Rabiulawal 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Rabiulakhir 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Jamadilawal 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Jamadilakhir 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Rejab 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Syaaban 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Ramadhan 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Syawal 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
Zulkaedah 1435	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30

(\*)Tarikh Cerapan Hilal Bulanan dilaksanakan termasuk Rukyah Hilal Wajib (Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah)

1. Penentuan Awal Muharram ( محرم ) pada 30 Zulhijjah 1434H / 4 November 2013M
2. Penentuan Awal Safar ( صفر ) pada 29 Muharram 1435H / 3 Disember 2013M
3. Penentuan Awal Rabiulawal ( ربيع الأول ) pada 30 Safar 1435H / 2 Januari 2014M
4. Penentuan Awal Rabiulakhir ( ربيع الآخر ) pada 29 Rabiulawal 1435H / 31 Januari 2014M
5. Penentuan Awal Jamadilawal ( جمادي الأول ) pada 30 Rabiulakhir 1435H / 2 Mac 2014M
6. Penentuan Awal Jamadilakhir ( جمادي الآخر ) pada 29 Jamadilawal 1435H / 31 Mac 2014M
7. Penentuan Awal Rejab ( رجب ) pada 30 Jamadilakhir 1435H / 30 April 2014M
8. Penentuan Awal Syaaban ( شعبان ) pada 29 Rejab 1435H / 29 Mei 2014M
9. Penentuan Awal Ramadhan ( رمضان ) 30 Syaaban 1435H / 28 Jun 2014M (Wajib)
10. Penentuan Awal Syawal ( شوال ) 29 Syaaban 1435H / 27 Julai 2014M (Wajib)
11. Penentuan Awal Zulkeadah ( ذو القعدة ) 30 Syawal 1435H / 26 Ogos 2014M
12. Penentuan Awal Zulhijjah ( ذو الحجة ) 30 Zulkaedah 1435H / 25 September 2014M (Wajib)

Cerapan hilal bulanan yang dilaksanakan oleh Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Sarawak juga bertujuan untuk mengumpul data anak bulan ketiga-tiga stesen cerapan hilal di Sarawak bagi tujuan kajian kenampakkan hilal seluruh Malaysia oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sarawak mempunyai tiga Stesen Cerapan hilal yang telah diwartakan bagi tujuan berikut iaitu:

1. Stesen Cerapan Hilal Teluk Bandung, Kuching
2. Stesen Cerapan Hilal Tanjung Batu, Bintulu
3. Stesen Cerapan Hilal, Tanjung Lobang, Miri

Aktiviti cerapan hilal bulanan ini mula dilaksanakan pada 30 Zulhijjah 1434H bersamaan 4 november 2013M di Stesen Cerapan Hilal, Teluk Bandung (Kuching, Sarawak) bagi penentuan awal Muharram tahun ke 1435 Hijri dan tarikh awal sebelas bulan Islam berikutnya. Aktiviti cerapan yang dilaksanakan turut disertai oleh Kumpulan Ukur Teodolit daripada Jabatan Tanah & Survei dan juga Jabatan Ukur & Pemetaan Malaysia dalam usaha untuk melatih pegawai serta kakitangan Bahagian Falak JMNS dalam melakukan kerja-kerja rukyah dan kajian kenampakan hilal di Sarawak sekaligus

dapat mengesahkan data rukyah tahunan yang dibekalkan oleh Unit Geodisi, Jabatan Ukur & Pemetaan Malaysia.

Berikut merupakan laporan kecerahan langit bagi cerapan hilal yang telah dilaksanakan bermula dari penentuan Awal bulan Muharram tahun ke 1435 Hijrah.



Stesen Cerapan Hilal Tanjung Batu, Bintulu



Stesen Cerapan Hilal Teluk Bandung, Kuching

Stesen Cerapan Hilal, Tanjung Lobang, Miri



## REKOD CERAPAN HILAL PADA TAHUN 1435H

### STESEN TELUK BANDUNG, KUCHING

110° 18 ' 40 " T, 01° 45 ' 13 " U,

Cerapan Hilal	Kelihatan	Tidak Kelihatan	Umur Hilal	Faktor Hilal Tidak Kelihatan
Muharram	0	√	22 jam 21 minit	Hilal dilindungi awan
Safar	0	√	10 jam 31 minit	Hilal dilindungi awan
Rabiulawal	0	√	24 jam 24 minit	Hilal dilindungi awan
Rabiulakhir	0	√	13 jam 38 minit	Hilal dilindungi awan
Jamadilawal	0	√	27 jam 45 minit	Hilal dilindungi awan
Jamadilakhir	0	√	16 jam 31 minit	Hilal dilindungi awan
Rejab	0	√	29 jam 26 minit	Hilal dilindungi awan
Syaaban	0	√	16 jam 34 minit	Hilal dilindungi awan
Ramadan	0	√	27 jam 27 minit	Hilal dilindungi awan
Syawal	0	√	12 jam 22 minit	Hilal dilindungi awan
Zukaedah	0	√	20 jam 59 minit	Hilal dilindungi awan
Zulhijjah	0	√	29 jam 05 minit	Hilal dilindungi awan

=Data cerapan (Tahun 2014) oleh Sekysen Geodisi Bahagian Pemetaan Malaysia (JUPEM)

## Info Aktiviti

Disediakan Oleh: Ustaz Haji Mohd. Fauzi bin Haji Hairani

# Program Al-Falak Siri 2 Tahun 1435H/2014M Sekolah Menengah Kebangsaan Merapok, Lawas, Sarawak

Program Al-Falak Siri 2 Tahun 1435H / 2014M yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Sarawak dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sarawak dan Tabung Baitulmal Sarawak telah di adakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Merapok, Lawas Sarawak pada 9 hingga 11 Rejab 1435H bersamaan 9 hingga 11 Mei 2014M.

Program Al-Falak yang bertemakan **“Alam Indah Ciptaan Yang Maha Agung”** disertai oleh 50 orang peserta yang terdiri daripada pelajar Islam Tingkatan 4 dari Sekolah Menengah Kebangsaan Merapok, Sekolah Menengah Kebangsaan Trusan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lawas. Seramai 13 orang urus setia yang juga terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Negeri Sarawak dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sarawak (JAKIM).

Program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam itu bermatlamat agar para pelajar mengenali Allah SWT melalui ilmu falak, memantapkan aqidah dengan pengetahuan ilmu falak, sebagai pengenalan kepada aktiviti falak di sekolah dan menanam minat berkaitan ilmu falak di kalangan pelajar sekolah.

Beberapa pengisian telah diadakan sepanjang program tersebut seperti aktiviti **“Kasrul Jalid”** (ice-breaking), **“Ikhtisyaf As-Sama”** (cerapan langit malam), ceramah berkaitan **“Aqidah & Falak dan “Fekah & Falak”**, **“Ikhtira”** (reka cipta), **“Al-Harwalah”** (eksplorasi falak) dan **“Taqdim Al Majmu’ah”** (sesi pembentangan hasil reka cipta).

Majlis perasmian penangguhan program Al-Falak Siri 2 Tahun 1435H/2014M telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Sahibus Samahah Datu



Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak dan turut dihadiri oleh En. Awang @ Ibrahim bin Ahmat, Pegawai Pelajaran Daerah Lawas dan En. Hadi bin Fauzi, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Merapok.



Pengisian yang paling menarik dalam setiap program Al-Falak dianjurkan ialah aktiviti **“Ikhtira”**. Peserta telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan dikehendaki untuk menghasilkan reka cipta yang berkaitan dengan ilmu falak. Seterusnya setiap kumpulan mempersembahkan hasil reka cipta masing-masing dan dinilai oleh para hakim yang telah dilantik.

# Bulan Bahasa Arab dan Bulan Al-Quran Jabatan Mufti Negeri Sarawak 2014

## Aktiviti Bulan Bahasa Arab

1	04 Julai 2014 M (JUMAAT) 6 Ramadhan 1435H	9.30 a.m	MAJLIS PELANCARAN
2	07 Julai 2014M (ISNIN) 9 Ramadhan 1435H	9.30 a.m	BELAJAR AL-FATIHAH DAN PENGERTIAN
3	09 Julai 2014M (RABU) 11 Ramadhan 1435H	9.30 a.m	HIWAR (FI'IL)
4	11 Julai 2014M (JUMAAT) 13 Ramadhan 1435H	9.30 a.m	TASMI' BACAAN AL-FATIHAH
5	14 Julai 2014M (ISNIN) 16 Ramadhan 1435H	9.30 a.m	KUIZ 1 (AL-FATIHAH)
6	16 Julai 2014M (RABU) 18 Ramadhan 1435H	9.30 a.m	MENGENAL TAJWID DALAM SURAH AL-FATIHAH
7	18 Julai 2014 (JUMAAT) 20 Ramadhan 1435H	9.30 a.m	KUIZ 2 ( FI'IL)
8	08 Ogos 2014M (JUMAAT) 12 Syawal 1435H	9.30 a.m	MAJLIS PENANGGUHAN



Majlis Penangguhan Bulan Bahasa Arab



Pemenang dan Urusetia Kuiz Bulan Bahasa Arab

## Info Aktiviti

Disediakan Oleh: Puan Rose binti Abd. Kadir

# Perhimpunan Dwi Bulanan Jabatan Mufti Negeri Sarawak 2014



Tahun 2014 Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah berjaya mengadakan Perhimpunan Dwi bulanan sebanyak 3 kali iaitu pada :

- i) 19 Mac 2014M bersamaan 17 Jamadilawal 1435H (Rabu)
- ii) 30 Jun 2014M bersamaan 02 Ramadhan 1435H (Rabu)
- iii) 26 Disember 2014 bersamaan 4 Rabiulawal (Jumaat),

Ketiga-tiga perhimpunan tersebut diadakan di Ruang Legar Jabatan Mufti Negeri Sarawak, Aras 15, Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Lorong P.Ramlee 5, Off Jalan P.Ramlee, Kuching. Di antara pengisian bagi perhimpunan tersebut ialah lafaz doa, aktiviti senaman dan bacaan Ikrar Integriti. Acara kemuncak perhimpunan ialah ucapan dan amanat oleh Y.Bhg. Sahibus Samahah Mufti Negeri Sarawak Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak.



Disediakan Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

# Lawatan Strategik

## Jabatan Mufti Negeri Sarawak Ke Jabatan Mufti Negeri Melaka dan Ke Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur



26 Mei 2014M bersamaan 26 Rejab 1435H Y.Bhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak bersama 10 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Negeri Sarawak mengadakan Lawatan Strategik ke Jabatan Mufti Negeri Melaka



28 Mei 2014M bersamaan 28 Rejab 1435H Y.Bhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak bersama 10 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Negeri Sarawak mengadakan Lawatan Strategik ke Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

# SABAR

## Pengertian Sabar

حبس النفس على ما يقتضيه العقل والشرع، أو عما يقتضيان حبسها عنه

Ertinya:

Menahan diri terhadap sesuatu yang dikehendaki oleh akal dan syariat atau menahan diri dari sesuatu yang dikehendaki keduanya.

## Jenis-Jenis Sabar

Sabar dalam mendapatkan sesuatu yang diinginkan hawa nafsu. Iaitu dengan menjauhi diri agar tidak bersikap sombong.

1. Sabar dalam melakukan ketaatan
2. Sabar dalam menjauhi maksiat
3. Sabar dalam ditimpa musibah

Maksudnya:

“Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (iaitu) orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucap: “Inna lillaahi wa innaa ilaihi raaji’uun”. Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk”. (Surah Al-Baqarah 155-157)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang mukmin akan menerima tekanan hidup kerana tidak ada satu bencana sama ada kerana terkena duri atau yang lebih besar, tidak juga ketakutan melainkan Allah akan mengangkat darjatnya satu darjat dan menghapuskan satu kesalahan dengan kesabarannya menghadapi bencana dan kesusahan tersebut”.

## Huraian Hadith

1. Dugaan/Ujian dijadikan Allah S.W.T. untuk mengukur iman seseorang itu kepada Allah S.W.T. dan seluruh ajaran-Nya dan diikuti

oleh tindakan atau hanya berhenti setakat di mulut sahaja.

2. Umat Islam akan diuji dengan pelbagai cara antaranya:
  - saudara seagama yang sentiasa dengki terhadapnya.
  - orang munafiq yang sentiasa membencinya.
  - orang kafir yang sentiasa memerangnya
  - syaitan yang sentiasa berusaha menyesatkannya.
  - bisikan hawa nafsu yang sentiasa menggoncang keimanannya.

## Jalan Menuju Sabar

1. Memahami erti kehidupan dunia dengan sebenarnya.

Ertinya:

“...Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan”. (‘Ali-Imran:185)

2. Manusia menyedari akan dirinya sendiri

Ertinya: “Dan apa saja nikmat yang ada pada kamu, Maka dari Allah-lah (datangnya), dan bila kamu ditimpa oleh kemudharatan, Maka hanya kepada-Nya-lah kamu meminta pertolongan”. (Al-Nahl:53)

3. Meneladani orang-orang yang sabar dan memiliki keperibadian yang baik.

Ertinya: “Dan semua kisah dari Rasul-rasul Kami ceritakan kepadamu, ialah kisah-kisah yang dengannya Kami teguhkan hatimu; dan dalam surat ini telah datang kepadamu kebenaran

serta pengajaran dan peringatan bagi orang-orang yang beriman”. (Hud:120)

4. Mohon pertolongan Allah S.W.T

Ertinya: “Dan bersabarlah dalam menunggu ketetapan Tuhanmu, Maka Sesungguhnya kamu berada dalam penglihatan Kami, dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu ketika kamu bangun berdiri”. (At-Thuur:48)

## Hikmah Bersabar

Maksudnya: Katakanlah: “Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman, bertakwalah kepada Tuhanmu”, bagi orang-orang yang berbuat baik di dunia ini memperoleh kebaikan. Dan bumi Allah itu adalah luas. Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang akan dicukupkan pahala mereka tanpa batas.

(Surah Az-Zumar :10)

## Syair Arab mengatakan:

“Sabar itu pahit tetapi , hasilnya lebih Manis Daripada Madu”

“Sesungguhnya orang mukmin akan menerima tekanan hidup kerana tidak ada satu bencana sama ada kerana terkena duri atau yang lebih besar, tidak juga ketakutan melainkan Allah akan mengangkat darjatnya satu darjat dan menghapuskan satu kesalahan dengan kesabarannya menghadapi bencana dan kesusahan tersebut”.

Disediakan Oleh: Ustaz Hj.Md Ahir bin Ahmad

# IBU

**Ibu : ialah seorang wanita yang mengandung dan melahirkan serta meyusu dan mendidik anaknya dengan penuh sabar dan kasih sayang. Tetap ibu, walau seorang wanita itu hanya mengandung dan melahirkan. Juga tetap ibu, walau seorang wanita yang menyuapkan makanan dan membesar dan mendidik kita.**

**Firman Allah (surah Luqman: ayat 14-15).**

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصْلُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ  
إِلَى الْمَصِيرِ (١٤) وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۗ وَصَاحِبُهُمَا  
فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۗ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۗ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (١٥)

“Terjemahan; Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan”.

## Cerita-cerita iktibar untuk diambil ibrah

1. Keyakinan Siti Hajar isteri Nabi Allah Ibrahim a.s. kepada perintah Allah, apabila ditinggalkan bersama anak kecil dilembah yang kering kontang.

Dalam Firman Allah (surah Ibrahim, ayat 37)

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (Tanah Suci Makkah) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahMu yang diharamkan mencerohnya.Wahai

Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.

Iman yang kukuh, tawakal yang tinggi, sabar dan kesungguhan yang tidak ada batas.Inilah yang di warisi oleh sebahagian ibu-ibu mithali di negara kita.

2. Satu hari Rasulullah S.A.W ditanya oleh sahabat “Apakah amalan yang paling disukai oleh Allah” Rasulullah S.A.W menjawab “Sembahyang pada waktunya”, selepas itu Rasulullah S.A.W menjawab “Berbuat baik kepada kedua ibu bapa” sahabat bertanya lagi, selepas itu Rasulullah menjawab “Berjihad Fisabilillah”.

Seorang sahabat Rasulullah S.A.W bernama Usamah bin Zaid mempunyai kebun tamar yang sedang berbuah, yang hampir dapat dituai, ketika melalui sebatang pokok tamar yang paling banyak buahnya. Ibu Usamah berkata umbutnya lebih manis, mendengar ucapan ibunya

itu Usamah terus menebang pokok tamar yang dimaksudkan, dan ibunya dengan tidak sedikit pun berkira-kira sayang dengan buah yang lebat dan hampir boleh dituai tetapi ikhlas, hormat dan sayangkan ibunya. Bagaimana dengan ibu bapa tetapi pemurah dengan orang lain.

Seorang lagi sahabat yang boleh kita ikuti keikhlasannya yang berusaha berbuat baik kepada ibu bapa. Uwais al-Qarni namanya yang berasal dari Yaman. Rasulullah S.A.W tidak pernah bertemu lelaki ini tetapi berpesan dengan Saidina Umar satu ketika nanti akan datang ke Madinah lelaki ini yang bernama Uwais al-Qarni seorang insan yang doanya sangat makbul. "Mintalah kepadanya agar dia berdoa kepada Allah S.W.T agar Allah S.W.T ampunkan dosa-dosa kalian. Pada pandangan mata kasar tidak mungkin dia orang yang Rasulullah S.A.W maksudkan kerana dikalangan masyarakat ditempatnya Uwais dianggap sebagai seorang yang kurang waras".

Suatu hari ibunya mengatakan kepada Uwais bahawa dia ingin untuk mengerjakan haji. Dia menyuruh Uwais agar berikhtiar agar dia dapat membawanya ke Mekkah untuk menunaikan haji. Sebagai seorang yang miskin, Uwais tidak mampu untuk menyediakan yang sedemikian. Ia tidak memiliki unta dan juga tidak mampu untuk membayar sewa.

Uwais mendapat satu ilham. Dia membeli seekor anak lembu yang baru lahir dan sudah habis menyusui. Dia membuat sebuah rumah kecil di atas

'*Tilal*' iaitu sebuah tanah tinggi (rumah untuk lembu itu di atas bukit). Apa yang dia lakukan, pada petang hari ia akan mendukung anak lembu untuk naik ke atas *Tilal*. Keesokan harinya ia akan mendukung lembu itu turun dari *Tilal* tersebut untuk diberi makan. Itulah yang dilakukannya setiap hari. Ada saatnya dia mendukung lembu itu mengelilingi bukit tempat dia memberi lembu itu makan. Perbuatan yang dilakukannya ini menyebabkan orang mengatakan dia kurang waras.

Memang aneh, membuat rumah untuk lembu di atas bukit, kemudian setiap hari mengusung lembu, petang dibawa naik, pagi dibawa turun bukit. Namun sebenarnya jika dilihat di sebaliknya, Uwais seorang yang cerdas. Lembu yang awalnya hanya 20kg, setelah enam bulan lembu itu sudah menjadi 100kg. Otot-otot tangan dan badan Uwais pula menjadi kuat sehingga dengan mudah mengangkat lembu seberat 100kg turun dan naik bukit setiap hari.

Setelah lapan bulan, ketika sampai musim haji, ternyata perbuatannya itu adalah satu persiapan untuk dia membawa ibunya mengerjakan haji. Lembu dijual sebagai bekalan. Dia telah memangku ibunya dari Yaman sampai ke Mekah dengan kedua tangannya. Di belakangnya dia meletakkan barang-barang keperluan seperti air, roti dan sebagainya. Lembu yang beratnya 100kg boleh didukung dan dipangku inikan pula ibunya yang lebih ringan. Dia membawa (mendukung dan memangku) ibunya dengan kedua tangannya dari Yaman

ke Mekah, tawaf, saie dan wukuf di Padang Arafah dengan senang saja. Dia juga memangku ibunya dengan kedua tangannya pulang kembali ke Yaman dari Mekah.

Setelah kembali ke Yaman, ibunya bertanya: "Uwais, apa yang kamu doakan sepanjang kamu berada di Mekah?"

Uwais menjawab: "Saya berdoa minta agar Allah S.W.T mengampuni semua dosa-dosa ibu".

Ibunya bertanya lagi: "Bagaimana dengan dosa kamu?"

Uwais menjawab: "Dengan terampun dosa ibu, ibu akan masuk syurga. Cukuplah ibu redha dengan saya, maka saya juga masuk syurga".

Masya-Allah, hebatnya kisah lelaki tadi, tetapi lebih hebat jasa ibunya. Oleh itu, jangan sesekali berasa puas untuk membalas jasa ibu. Sekali pun seluruh jiwa ragamu telah kau korbakan untuk membayar jasa ibumu. Ibumu pernah bertarung nyawa mengandung 9 bulan dan bertarung lagi ketika melahirkan kamu. Lihatlah betapa hebatnya pengorbanan ibu. Layaklah ibu-ibu yang mati kerana melahirkan anak itu diberi Allah S.W.T nilai mati syahid.

**Jika Kau Berasa Berjaya**  
Jika kau berasa berjaya, pencapaianmu tinggi dan namamu tersohor, usah sesekali terlupa bahawa itu semua kerana jasa ayahmu yang telah memilih ibu yang terbaik untukmu. Renungkan kisah Imam Malik ketika ditanya bagaimana

beliau memperoleh anak yang alim lagi soleh.

Beliau menjawab, “Aku pilih ibunya.” Ya, tidak syak lagi, di sebalik kehebatanmu itu ialah ibumu. Kehebatanmu ialah warisannya. Jangan pernah berasa bangga, kerana tanpa ibu, kita mungkin hanya kelana tanpa nama. Tidak mungkin kita mencapai apa-apa.

Jika kita merasakan telah banyak kebaikan yang dicurahkan untuk negara dan bangsa, jangan sekali-kali mendabik dada. Belum, kita belum dikira berjasa jika ada seorang manusia yang kita lupakan. Sedangkan padanyalah kau dituntut membuat segala kebaikan. Siapa lagi kalau bukan ibumu.

Seorang lelaki bertanya Rasulullah S.A.W, “Wahai Rasulullah S.A.W, siapakah yang perlu aku berikan bakti yang lebih?”

Rasulullah S.A.W menjawab, “Ibu kamu.”

“Kemudian siapa?”

“Ibu kamu.”

“Kemudian siapa?”

Rasulullah S.A.W menjawab, “Ibu kamu.”

“Kemudian siapa?”

Rasulullah S.A.W menjawab, “Bapa kamu.” (Riwayat al-Bukhari)

Sebarkan, Allah S.W.T tidak menilai berapa banyak bintang yang tersemat di dadamu, berapa panjang gelar yang ditambah pada namamu; Datuk, Tun, Tan Sri dan sebagainya. Semua itu jadi debu, jika kau lupa kebaikan ibu.

Jika kau seorang pencinta alam, pelindung buana dengan segala flora dan faunanya, melindungi haiwan agar tidak pupus dan terhapus, tetapi ibu tuamu yang tua renta kau lupakan, ketahuilah kaulah insan yang paling berpura-pura. Kebaikan yang kau lakukan pada manusia, pada tumbuhan, pada haiwan tidak akan ada nilainya jika ibumu sendiri kau lupakan.

### Jika Kau Pejuang Agama

Kau seorang mujahid, da'i atau imam yang ke sana kemari berdakwah dan berkhotbah? Hingga dengan kesibukan itu ibumu kau lupakan? Justeru, kerana merasakan yang lebih utama ialah jihad fisabilillah, lalu kau buru syurga dengan masa, tenaga, harta malah nyawamu. Cita-citamu tinggi untuk terbang menuju syurgawi. Namun, jangan terburu-buru, lihat dulu pesan Rasulullah S.A.W tentang ibu.

Seorang lelaki datang menemui Rasulullah S.A.W dan meminta izin darinya untuk berperang di medan jihad. Rasulullah S.A.W bertanya kepada lelaki tersebut, “Adakah kedua-dua ibu bapamu masih hidup?” Dan lelaki itu mengiyakannya. Maka Rasulullah S.A.W berkata: “Berbaktilah kamu kepada kedua-duanya.” (Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini diperkukuhkan lagi oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud: “Aku bertanya Rasulullah S.A.W, ‘Wahai Nabi Allah! Apakah perbuatan yang terbaik?’ Baginda menjawab, ‘Menunaikan solat pada awal waktu.’

“Selepas itu?”

“Berbakti kepada ibu bapa kamu.”

“Selepas itu?”

“Berjihad di jalan Allah S.W.T.” (Riwayat al-Bukhari)

### Jika Kau Kuat Beribadah

Jika kau dipandang alim dan soleh, awas akan fitnah kerana mengabaikan panggilan ibu. Solat, puasa, sedekah, jihad tidak bermakna jika kau alpa dalam mentaati ibu. Bukan pada suruhan, malah hanya sekadar melebihi sayang kepada isteri.

Al-Qomah adalah sahabat Rasulullah S.A.W yang baik dan pemuda yang sangat rajin beribadah. Pada suatu hari secara tiba-tiba ia jatuh sakit. Isterinya menyuruh seseorang memberi khabar kepada Rasulullah S.A.W tentang keadaan suaminya yang sakit tenat dan dalam keadaan sakaratul maut.

Lalu Rasulullah S.A.W menyuruh Ali, Bilal R.A dan beberapa sahabat lainnya melihat keadaan Al-Qomah. Apabila mereka sampai di rumah Al-Qomah, mereka melihat keadaannya sudah nazak tidak ada harapan hidup. Kemudian mereka segera membantunya membacakan kalimah syahadat (la ilaha illaah) dihadapannya, tetapi lidah Al-Qomah tidak mampu menyebutnya.

Setelah melihat keadaan Al-Qomah yang semakin menghampiri akhir ajalnya dan semakin parah ditambah lagi ia tidak mampu mengucapkan syahadat, mereka menyuruh Bilal memberitahukan Rasulullah S.A.W Maka Bilal menceritakan kepada

beliau segala hal yang terjadi atas diri Al-Qomah.

Lalu Rasulullah S.A.W bertanya kepada Bilal, "Apakah ayah Al-Qomah masih hidup?" Bilal pun menjawab, "Tidak ya Rasulullah S.A.W, ayahnya sudah meninggal, tetapi ibunya masih hidup dan sangat tua usianya."

Kemudian Rasulullah S.A.W berkata lagi, "pergilah kamu ya Bilal menemui, ibunya, sampaikan salamku dan katakan kepadanya kalau ia dapat datang menjumpaiiku. Kalau dia tidak dapat berjalan, katakan aku akan datang ke rumahnya menjumpainya."

Bilal tiba di rumah ibu Alqomah, ibunya mengatakan bahawa dia ingin menemui Rasulullah S.A.W Lalu ia mengambil tongkat dan terus berjalan menuju ke rumah Rasulullah S.A.W.

Setibanya di sana ibu Al-Qomah memberi salam dan duduk di hadapan Rasulullah S.A.W Kemudian Rasulullah S.A.W membuka bicaranya, "Ceritakan kepadaku yang sebenarnya tentang anakmu Al-Qomah. Jika kamu berdusta, nescaya akan turun wahyu kepadaku,"

Dengan rasa sedih ibunya bercerita, "Ya Rasulullah S.A.W, sepanjang masa, aku melihat Al-Qomah adalah laki-laki dewasa, laki-laki yang cerdas, soleh dan selalu melakukan perintah Allah S.W.T dengan sempurna, sangat rajin beribadat. Solat dan puasa tidak pernah ditinggalkannya dan sangat suka bersedekah."

"Ya Rasulullah S.A.W, semenjak

aku mendapat khabar gembira tentang kehamilanku aku membawa Al-Qamah 9 bulan di perutku. Tidur, berdiri, makan dan bernafas bersamanya. Akan tetapi semua itu tidak mengurangi cinta dan kasihku kepadanya."

"Ya Rasulullah S.A.W, aku mengandungnya dalam keadaan lemah di atas lemah, tapi aku begitu gembira dan puas setiap kali aku rasakan perutku semakin hari semakin bertambah besar dan ia dalam keadaan sihat wal afiat dalam rahimku."

"Kemudian tiba waktu melahirkannya ya Rasulullah S.A.W. Pada saat itu melihat kematian dimataku hingga tibalah waktunya ia keluar ke dunia. Ia pun lahir. Aku mendengar ia menangis maka hilang semua sakit dan penderitaanku bersama tangisannya."

Ibu Al-Qomah mulai menangis, lalu ia melanjutkan ceritanya, "Kemudian, berlalulah waktu. Hari berganti hari, bulan berganti bulan dan tahun berganti tahun. Selama itu aku setia menjadi pelayannya yang tidak pernah lalai menjadi pendampingnya yang tidak pernah berhenti. Aku tidak pernah lelah mendoakannya agar ia mendapat kebaikan dan taufiq Allah."

Kemudian ia melanjutkan ceritanya, "Tapi sayang ya Rasulullah S.A.W, setelah ia beristeri aku tidak lagi mengenal dirinya, senyumnya yang selama ini menjadi pelipur duka dan kesedihanku, sekarang telah hilang, dan tawanya telah tenggelam. Aku benar-benar tidak mengenalnya lagi

kerana ia telah melupakan hakku."

"Aku tidak mengharap sesuatu darinya ya Rasulullah S.A.W, yang aku harapkan hanya aku ingin melihat rupanya, rindu dengan wajahnya. Dia tidak pernah menghampiriku lagi. Dia tidak pernah menanyakan halku, tidak memperhatikanku lagi. Seolah-olah aku dibuang di tempat yang jauh."

"Ya Rasulullah, aku ini tidak meminta banyak darinya, dan tidak menagih kepadanya yang bukan-bukan. Yang aku pinta darinya, jadikan aku sahabat dalam kehidupannya. Jadikanlah aku sebagai pembantu di rumahnya, agar aku menatap wajahnya setiap saat. Sayangnya dia lebih mengutamakan isterinya daripada diriku dan menuruti kata-kata isterinya sehingga dia menentangku."

Rasulullah S.A.W sangat terharu mendengar cerita ibu Al-Qomah. Kemudian beliau menyuruh Bilal mencari kayu api untuk membakar Al-Qomah hidup-hidup. Begitu ibu Al-Qomah mendengar perintah tersebut, dia pun berkata dengan tangisan dan suara yang terputus-putus, "Wahai Rasulullah S.A.W, kamu hendak membakar anakku di depan mataku? Bagaimana hatiku dapat menerimanya? Ya Rasulullah S.A.W, walaupun usiaku sudah lanjut, punggungku bongkok, tanganku bergetar. Walaupun dia tidak pernah menghampiriku lagi tapi cintaku kepadanya masih seperti dulu, masih seperti lautan yang tidak pernah kering. Janganlah kamu bakar anakku hidup-hidup."

Rasulullah s.a.w bersabda “Seksa Allah itu lebih berat dan kekal, kerana itu jika kamu ingin Allah S.W.T mengampuni dosa anakmu itu, maka hendaklah kamu mengampuninya. Demi Allah S.W.T yang jiwaku di tangan-Nya, tidak akan berguna solatnya, puasanya dan sedekahnya, selagi masih kamu murka kepadanya.”

Kemudian ibu Al-qomah mengangkat kedua tangannya dan berdoa, “Ya Rasulullah, aku bersaksi kepada Allah S.W.T yang di langit dan bersaksi kepadamu ya Rasulullah S.A.W dan mereka-mereka yang hadir di sisi bahawa aku telah redha pada anakku Al-Qomah.”

Lalu Rasulullah S.A.W mengarah kepada Bilal r.a dan berkata, “Pergilah kamu wahai Bilal, dan lihat ke sana keadaan Al-Qomah apakah ia boleh mengucapkan syahadat atau tidak? Aku khuatiri, kalau-kalau ibu Al-Qomah mengucapkan itu semata-mata kerana aku dan bukan dari hatinya,”

Bilal pun sampai di rumah Alqomah, tiba-tiba terdengar suara Al-Qomah menyebut, “La ilaha illallah”. Lalu Bilal masuk sambil berkata, “Wahai semua orang yang berada di sini. Ketahuilah sesungguhnya kemarahan seorang ibu kepada anaknya boleh membuat kemarahan Allah, dan redha seorang ibu boleh membuat keredhaan-Nya.”Maka Al-Qomah telah wafat pada waktu dan saat yang sangat baik baginya.

### Jika Kau Buntu

Ada masanya hidupmu dibelenggu

masalah, dijerut kebuntuan dan kesukaran yang menimpa. Ketika mencari jalan keluar, semakin dicari semakin sukar, maka sudi apalah kiranya kau mencari penyelesaian menerusi ketaatan kepada Allah S.W.T dan ketaatan kepada ibumu. Mungkin di sana, pada ketaatan itu, segala yang tertutup akan terbuka. Pelita hidupmu akan kembali menyala. Terlupakah kisah pemuda yang terperangkap di dalam gua?

Berikut yang dicertakan dalam hadis, “Pemuda yang ketiga berkata, “Ya Allah, kedua-dua orang tuaku sudah sangat tua. Meskipun demikian, aku sangat menyayangi mereka dan aku tidak pernah minum atau makan sebelum mereka minum dan makan. Suatu hari aku bawakan sebotol air susu untuk ibu dan ayahku namun mereka sedang tidur dengan lena. Aku tidak berani mengejutkannya, lalu aku tunggu sehingga mereka bangun. Meskipun anak aku menangis meminta susu itu, namun aku tidak memberikannya sebelum kedua-dua orang tua aku meminumnya terlebih dahulu. Apabila mereka bangun, aku terus memberinya minum.

Ya Allah, Engkau Maha Tahu, jika apa yang aku buat itu semata-mata kerana mengharap keredaan-Mu, maka tolong alihkan batu ini supaya kami dapat keluar.”Akhirnya batu itu bergeser kembali dan akhirnya mereka dapat keluar dari gua tersebut dengan selamat. (Riwayat al-Bukhari)

### Jika Kau Berasa Bijak

Jika kau berasa bijak, jangan lupakan kebijaksanaan itu ada batasnya. Akan

ada ketikanya kebijaksanaan hanya sekelumit dibandingkan dengan keberkatan. Pada ketika itulah kau harus merendah diri, kembali dan santunilah ibu tua yang pernah melahirkanmu.

Walaupun dia tidak punya kebijaksanaan, kepakaran dan kemahiran tetapi pada spanya, jabat tangannya, renung matanya, lebih-lebih lagi pada doanya... punya lautan keberkatan yang tidak terjangkau oleh kebijaksanaanmu!

**“Derhaka kepada ibu bapa termasuk dalam empat dosa-dosa besar. Keadaan ini jelas berdasarkan kata-kata Rasulullah s.a.w yang dinyatakan oleh Bukhari, “Sebesar-besar (daripada) dosa besar ialah menyekutukan Allah, membunuh manusia, derhaka kepada dua ibu bapa dan menjadi saksi palsu.”**

# Cantikkah Aku?

Selalunya kecantikan sinonim dengan wanita. Cantik adalah idaman semua wanita. Begitu juga lelaki pasca moden tidak mahu ketinggalan untuk kelihatan lebih tampan dan kacak. Biarpun semakin di mamah usia, namun gaya *macho* (kononnya) harus di kekalkan. Paling menarik tidak kira lelaki ataupun wanita ada keinginan untuk tampil cantik, kacak dan menawan. Boleh dikatakan cermin setiap masa ada disisi. Membelek-belek dan memerhatikan wajah. Selagi tak puas hati, selagi itulah tidak mahu berganjak dari cermin. Biar nampak hilang segala jerawat dan jeragat. Kalau boleh, seluruh tubuh mahu dimanjakan dengan produk kecantikan. Begitulah lumrah bagi mereka yang mementingkan kecantikan diri. Namun, adakah kecantikan boleh melayakkan syurga untuk diri? Apa guna kecantikan, andai cantik itu tak menjanjikan apa-apa.

Bagi yang merasakan dirinya cantik, usah berasa bangga dengan kecantikan yang dimiliki. Manakala, bagi yang merasakan dirinya tidak secantik orang lain jangan mula merasa rendah diri dan kecewa. Bahkan ada yang tidak sanggup melihat wajahnya di cermin, apatah lagi berdepan dengan orang ramai. Seinggakan ada yang sanggup melakukan apa saja untuk nampak cantik.

Sebenarnya tiada manusia hodoh dalam dunia ini. Setiap apa yang Allah ciptakan pasti indah kerana Allah Maha Indah dan Allah suka pada kecantikan dan keindahan. Allah tidak mencipta manusia hodoh tetapi Dia mencipta manusia dengan kecantikan yang berbeza-bebeza. Cantik dan hodoh satu subjektif.

Ada yang hidung kembang, tapi wajahnya redup manja. Ada yang berwajah gelap tapi manis dipandang mata. Ada yang bermata sepet, tapi sejuk kala memandang. Jadi, wajah semata-mata bukanlah ukuran kepada kecantikan. Kalau kecantikan itu hanya terletak pada wajah, lambat laun akan dimamah usia juga suatu hari nanti. Ia hanyalah bersifat sementara saja. Sememangnya mata menilai kecantikan pada rupa paras seseorang. Tetapi akal menilai pada fikiran. Nafsu pula menilai pada bentuk tubuh. Tetapi hati menentukan pada akhlak dan budi.

Justeru, janganlah merasakan diri tidak cantik seperti orang lain, seolah-olah tidak bersyukur dengan nikmat dan kurniaan tuhan pada diri. Setiap kelemahan pasti ada kekuatannya. Jangan pula kerana ingin cantik kita sanggup mengubah ciptaan Tuhan. Ubah sana ubah sini. Kening yang sudah elok diganti pula dengan dakwat pensil. Daggu pendek dan rata tiba-tiba 'diruncingkan'. Ini semua

haram hukumnya. Biarlah bagaimana sekalipun rupa kita, jangan kerana ingin tampil cantik tergadai iman dan maruah.

Janganlah juga merasakan diri kita cantik sehingga timbul perasaan riak dan bangga pada diri. Seinggakan rela mempamerkan tubuh badan di khalayak ramai kerana bangga dengan kecantikan yang dimiliki. Cantik itu tidak salah, tapi orang selalu menggunakan kecantikan ke arah yang salah. Tanpa iman, kecantikan itu akan digunakan ke arah maksiat dan dosa. Kerana itu, cantik yang paling bermakna bilamana ia lahir dari dalaman dan terus melahirkan kecantikan di luaran. Kecantikan rupa paras bukan tiket penentu untuk ke syurga Allah, selagi iman dan taqwa tiada selagi itulah jalan menuju ke syurga tampak gelap gelita.

Cantikkanlah akhlak peribadi, cantikkanlah amalan, cantikkanlah iman dan cantikkanlah taqwa, andai mahu ke syurga Allah. Kecantikan amal, iman dan taqwa itu lebih penting daripada kecantikan paras rupa. Hanya mereka yang beriman serta beramal soleh Allah akan masukkan ke dalam syurgaNYA.

Justeru, jika itu nilai sebenarnya kecantikan, tanya kembali pada diri sendiri, Cantikkah aku?...

## Terjemahan dari Surah An-Nas

(Surah yang ke-114)

Mengandungi 6 ayat diturunkan di Madinah

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani**

**Katakanlah (wahai Muhammad) : Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia.**

**Yang Menguasai sekalian manusia**

**Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia**

**Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam**

**Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia**

**laitu pembisik dan penghasut dari kalangan jin dan manusia.**

## KUKUH BERSATU

Kukuh kami berdiri  
Walau tinggi sekata tiada  
Namun bersatu hati tetap seia  
Memburu bicara tiada berlaga

Kukuh kami di sini  
Meletak harapan menggunung tinggi  
Laksana Santubong terpasak di bumi  
Tiada gentar halangan dan uji

Lenggok, tunduk, gerak dan tari  
Bukan meminta untuk dipuji  
Mengukuh hati tiada sepi  
Terpapar integriti terhijab iri

Lalu akhirnya  
Hari ini jiwa itu satu  
Meniti esok tiada kelabu  
Bukan hanya aku atau kamu  
Tapi kami dan kita bersatu...  
Menempa cemerlang di medan baru.

(ebukhaula 16/11/13 12:05)

## ASBABUN NUZUL

Dalam suatu riwayat ada dikemukakan bahawa Rasulullah S.A.W pernah terkena sakit yang agak parah sehingga datang kepadanya dua Malaikat, satu duduk di sebelah kepalanya dan satu lagi duduk di sebelah kakinya.

Berkatalah Malaikat yang duduk di sebelah kakinya kepada Malaikat yang duduk di sebelah kepalanya: "Apakah yang engkau lihat? Malaikat itu menjawab: "Dia terkena guna-guna." Malaikat itu bertanya lagi: "Apakah guna-guna itu? Malaikat itu menjawab: "Guna-guna itu adalah sihir."

Kemudian Malaikat itu bertanya lagi: "Siapakah yang membuat sihirnya?" Malaikat itu menjawab: "Labid bin al Asham Alyahudi. Sihirnya adalah berupa gulungan yang disimpan di dalam sumur keluarga si Fulan di bawah sebiji batu besar. Datanglah ke sumur itu, timbalah airnya dan angkat batunya. Kemudian ambil gulungan tersebut dan bakar.

Pada pagi keesokan harinya Rasulullah S.A.W mengutus Ammar bin Yasir berserta kawan-kawannya. Apabila mereka tiba di sumur tersebut, tampaklah airnya merah seperti air inai. Air itu ditimbanya dan diangkat batunya serta dikeluarkan gulungan tersebut dan terus dibakar. Ternyata di dalam gulungan tersebut terdapat tali yang terdiri daripada sebelas simpul.

Maka penurunan kedua surah di atas adalah berkenaan dengan peristiwa tersebut. Setiap kali Rasulullah S.A.W membaca satu ayat maka terbukalah simpulnya.

(Diriwayatkan oleh: Al-Baihaqi di dalam kitab Dala'ilun Nubuwwah dari al-Kalbi dari Abi Salleh dari Ibnu Abbas)

## Jasamu Dikenang

Disediakan Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

# Majlis Penghargaan Kakitangan Jabatan Mufti Negeri Sarawak

Pada 03 Januari 2014 satu Majlis Penghargaan Kakitangan Jabatan Mufti Negeri Sarawak telah diadakan di Grand Magherita, Holiday Inn Kuching bagi meraikan jasa kakitangan Jabatan Mufti Negeri Sarawak.

Majlis telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Negeri Sarawak. Beliau menzahirkan rasa terima kasih di atas segala jasa dan bakti yang disumbangkan.



## Pegawai Yang Telah Berpindah

Nama : Encik Othman bin Let

Tempoh Berkhidmat : 03 Januari 2012 – 30 September 2014

Berpindah Ke Jabatan : Jabatan Kerja Raya

Ibu Pejabat, Wisma Seberkas, Kuching.



## Selamat Datang

Nama : Awang Ali bin Awang Mat

Tarikh Lantikan : 21 April 2014

Disediakan Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

## Hari Integriti & Inovasi Jabatan Mufti Negeri Sarawak

Pada 27 dan 28 Disember 2014, Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah mengadakan Hari Integriti dan Inovasi di Damai Beach Resort, Kuching.

Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut :

### TEAM BUILDING

Semua kakitangan JMNS telah dibahagikan kepada 5 kumpulan yang terdiri daripada 5 – 6 orang ahli bagi setiap kumpulan. Program ini diadakan bagi memupuk semangat berpasukan dan kerjasama di antara satu sama lain. Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang aktiviti tersebut.

### MALAM PENGHARGAAN KAKITANGAN JMNS SEMPENA HARI INTEGRITI DAN INOVASI 2014

Bagi penutupan Hari Integriti dan Inovasi JMNS, diadakan majlis makan malam yang dihadiri oleh semua kakitangan JMNS dan ahli keluarga masing-masing. Acara kemuncak adalah penyampaian Anugerah Khas Mufti Negeri Sarawak, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah 'Jasamu Dikenang'.

Terdapat beberapa Anugerah Khas Mufti Negeri Sarawak yang buat julung kalinya diadakan telah disampaikan pada majlis malam tersebut. Antaranya ialah :-

1. Anugerah Mufti Negeri Sarawak **"THE OUTSTANDING 5S GROUP"** for year 2014 dianugerahkan kepada Kumpulan Al-Jabbar.
2. Anugerah Mufti Negeri Sarawak **"INNOVATIVE GROUP"** for year 2014 dianugerahkan kepada Bahagian Fatwa.
3. Anugerah Mufti Negeri Sarawak **"HOPE"** for year 2014 dianugerahkan kepada Cik Faiyza Binti Kassim.
4. Anugerah Mufti Negeri Sarawak **"CHANGE"** for year 2014 dianugerahkan kepada Ustaz Haji Mohammad Bin Haji Mokatrat.
5. Anugerah Mufti Negeri Sarawak **"CREATIVE"** for year 2014 dianugerahkan kepada Ustaz Abdul Karim Bin Drahan.
6. Anugerah Mufti Negeri Sarawak **"TRANSFORMATION"** for year 2014 dianugerahkan kepada Puan Salvia Binti Kipli.
7. Anugerah Mufti Negeri Sarawak **"DISCIPLINE"** for year 2014 dianugerahkan kepada Ustazah Dalima Binti Bujang.
8. Anugerah Mufti Negeri Sarawak **"COMMITTED"** for year 2014 dianugerahkan kepada Ustaz Faizal Bin Abdullah.
9. **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2013** dianugerahkan kepada
  - i. Ustaz Mual Bin Haji Suaud (Ketua Penolong Mufti)
  - ii. Encik Pandi Bin Suib (Pembantu Am Rendah)
10. Jasamu Dikenang dianugerahkan kepada Encik Othman Bin Let (yang telah mendapat tawaran Pegawai Tadbir N41 di Jabatan Kerja Raya)



# Perkahwinan PEGAWAI

Ustaz Mohamad Ujian bin Seman  
dengan pasangannya Puan Siti  
Rosnani binti Abu Bakar  
pada 04 Februari 2014



Ustazah Noriti binti  
Haji Besar dengan  
pasangannya  
Jamri bin Gapar  
pada 21 Disember 2014



*Kelahiran Cahayamata*



NAMA ANAK : **HAZIQ RIZQI BIN HISHAM**  
TARIKH LAHIR : **06 FEBRUARI 2014**  
NAMA PEGAWAI : **USTAZAH RAZIMAH BINTI AHMAD**



NAMA ANAK: **NUR AFIQAH BINTI HAJI FAIZAL**  
TARIKH LAHIR : **09 MAC 2014**  
NAMA PEGAWAI : **USTAZ HAJI FAIZAL BIN ABDULLAH**

NAMA ANAK : **ARRISA MAISARA BINTI MORAZRIN**  
TARIKH LAHIR : **16 JUN 2014**  
NAMA PEGAWAI : **PUAN NURZALIFAH BINTI HAJI SUUT**



NAMA ANAK: **KHADEEJA BINTI HAJI MOHD. SYARIFUDDIN**  
NAMA PEGAWAI : **USTAZ HAJI MOHD. SYARIFUDDIN BIN ABDUL KADIR**  
TARIKH LAHIR : **14 JULAI 2014**



جَابَتَانِ مُفْتَى نِغَرِي سَارَاوَاكْ

## JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

ARAS 15, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH  
LORONG P.RAMLEE 5, OFF JALAN P. RAMLEE, 93400 KUCHING, SARAWAK

Tel. : 082-507 500 Faks : 082-507 200 / 507 300 Portal Rasmi : [www.muftinegeri.sarawak.gov.my](http://www.muftinegeri.sarawak.gov.my)